



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**ORIENTASI MATLAMAT SERTA KAITANNYA
DENGAN PENGLIBATAN PELAJAR
15 DAN 18 TAHUN LELAKI
DAN PEREMPUAN DALAM
AKTIVITI SUKAN.**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

JOHNNY RUDOLF RUDAI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**ORIENTASI MATLAMAT SERTA KAITANNYA DENGAN
PENGLIBATAN PELAJAR 15 DAN 18 TAHUN LELAKI
DAN PEREMPUAN DALAM AKTIVITI SUKAN.**

JOHNNY RUDOLF RUDAI



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN SAINS SUKAN**

**FAKULTI SAINS SUKAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2007



PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.



PENGESAHAN

Penulisan Ilmiah ini telah diterima dan diluluskan untuk memenuhi syarat Kursus QSS 6006 Projek Tinjauan, Program Pendidikan Sains Sukan bagi memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan Sains Sukan, Fakulti Sains Sukan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.



(PROFESOR MADYA DR.SHAHARUDIN BIN ABD.AZIZ)

Penyelia Projek

Latihan Ilmiah





PENGESAHAN

Penulisan Ilmiah ini telah diterima dan diluluskan untuk memenuhi syarat Kursus QSS 6006 Projek Tinjauan, Program Pendidikan Sains Sukan bagi memperolehi Ijazah Sarjana Pendidikan Sains Sukan, Fakulti Sains Sukan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.



(DR.ONG KUAN BOON)

Penyelaras Program

Latihan Ilmiah





DEDIKASI

Arwah ayah, mama, Patricia (isteri) dan Odella Myra (anak).

*Kasih sayang yang dicurahkan, doa, galakan serta dorongan kalian terutama
pada saat-saat yang sangat memerlukan akan sentiasa tersemat dalam
sanubari dan akan diabadikan sepanjang hayat.*





PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan doa kesyukuran saya kepada Tuhan di atas kasih setia serta karunia-Nya yang telah diberikan maka dengan itu saya telah mampu untuk menyiapkan penulisan Ilmiah ini. Rakaman setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya kepada penyelia saya Prof.Madya.Dr.Shaharudin Abd.Aziz di atas tunjuk ajar, bimbingan, nasihat serta keprihatinan beliau yang tidak ternilai di sepanjang saya menyiapkan Penulisan Ilmiah ini. Kesabaran serta dedikasi beliau memberikan saya semangat untuk terus berusaha tanpa mengenal erti putus asa.



Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Dr.Ahmad Bin Hashim, Penyelaras Kursus QSS 6006 dan Dr.Shaharudin Abd.Aziz sendiri terhadap luangan masa yang diberikan dalam membantu saya menganalisis data-data kajian.

Terima kasih juga ditujukan kepada semua guru-guru yang terlibat di lima buah sekolah yang terpilih dalam mengedarkan borang soalselidik, Fennedy, Julin, Zatin dan rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberikan semangat, bantuan dan sokongan moral yang tidak ternilai harganya.

Tuhan memberkati anda semua.





KANDUNGAN

Perkara

Muka surat

PENGAKUAN	iii
PENGESAHAN PENYELIA	iv
PENGESAHAN PENYELARAS	v
DEDIKASI	vi
PENGHARGAAN	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	ix
ABSTRAK	x
 BAB 1	 1
PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	5
1.3 Kepentingan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Batasan Kajian	8
1.6.1 Limitasi	8
1.6.2 Delimitasi	9
1.8 Definisi Operasional	9
 BAB II	 11
SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	11
2.2 Orientasi Matlamat	11
2.3 Jenis-jenis Orientasi Matlamat	12
2.4 Kajian-kajian Berkaitan	13
2.5 Rumusan	14
 BAB III	 15
METODOLOGI	
3.1 Instrumen Kajian	15
3.2 Reka Bentuk Kajian	17
3.3 Pembolehubah Kajian	18
3.4 Sampel Kajian	18
3.5 Prosedur Kajian	19
3.6 Tatacara Pengumpulan data	20
3.7 Kaedah Penganalisisan data	20
 BAB IV	 21
ANALISIS DATA	
 BAB V	 37
PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	





RUJUKAN

43

LAMPIRAN:

- Surat Kelulusan Menjalankan Kajian Dari EPRD.
- Surat Kelulusan Menjalankan Kajian Dari JPNS.
- Borang Soal Selidik TEOSQ.
- Borang Akuan (Concern Form)



**SENARAI JADUAL**

Jadual		Muka surat
4.1	Taburan responden Mengikut Umur dan jantina	22
4.2	Taburan Responden Mengikut Bangsa	23
4.3	Taburan Responden Mengikut Jarak Jauh Rumah dari Sekolah	24
4.4	Taburan Responden Mengikut Cara Datang ke Sekolah	25
4.5	Taburan Responden Mengikut Bilangan Adik-Beradik	26
4.6	Taburan Responden Mengikut Pendapatan Ibu bapa / Penjaga	27
4.7	Taburan Responden Mengikut Bilangan Yang Bekerja Sampingan Di Luar Waktu Sekolah Untuk menampung Beban Keluarga	28
4.8	Taburan Responden Mengikut Bilangan Yang Melibatkan Diri Secara Aktif Dalam Aktiviti Sukan	28
4.9	Skor Min Dan Sisihan Piawai Orientasi Matlamat Bagi Responden Lelaki 15 dan 18 Tahun	29
4.10	Ujian Anova Sehalu bagi Corak Orientasi Matlamat Responden Lelaki 15 tahun dan 18 tahun	30
4.11	Skor Min Dan Sisihan Piawai Orientasi Matlamat Responden Perempuan 15 dan 18 Tahun	31
4.12	Ujian Anova Sehalu bagi Corak Orientasi Matlamat Responden Perempuan 15 tahun dan 18 tahun	31
4.13	Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai Terhadap Tahap Penglibatan Aktiviti Sukan Dalam Seminggu Bagi Responden Lelaki 15 dan 18 Tahun	32
4.14	Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai Terhadap Tahap Penglibatan Aktiviti Sukan Dalam Seminggu Bagi Responden Perempuan 15 dan 18 Tahun	33





4.15	Kolerasi Orientasi Matlamat dengan Masa Beraktiviti Sukan dalam Seminggu bagi responden Lelaki	35
4.16	Kolerasi Orientasi Matlamat dengan Masa Beraktiviti Sukan dalam Seminggu bagi responden Perempuan	36





ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti corak Orientasi Matlamat serta kaitannya dengan penglibatan pelajar 15 dan 18 tahun lelaki dan perempuan dalam aktiviti sukan di daerah Keningau, Sabah. Responden kajian adalah seramai 300 orang (lelaki 18 tahun =75, lelaki 15 tahun =75, perempuan 18 tahun =75, perempuan 15 tahun =75). Penyelidikan dijalankan dengan menggunakan "Task and Ego Orientation in Sports Questionnaire" (TEOSQ: Duda & Nicholls, 1989). Dengan menggunakan min dan sisihan piawai, Ujian Anova Sehala dan juga korelasi, secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan bahawa corak Orientasi matlamat responden bawah umur 15 tahun dan bawah umur 18 tahun lelaki dan perempuan yang dikaji lebih cenderung kepada orientasi matlamat berdasarkan tugas berbanding orientasi matlamat berdasarkan ego (Tugas $\bar{m}=4.40$, $SD=.18$, Ego $\bar{m}=2.32$, $SD=.28$). Dari keempat-empat pecahan kategori umur, responden yang berumur bawah 15 tahun lelaki menunjukkan penguasaan yang tinggi dalam setiap aspek yang dikaji seperti contoh bilangan atau jumlah penglibatan diri serta masa yang diperuntukkan untuk beraktiviti sukan dalam seminggu. Berdasarkan kajian juga mendapati kebanyakan responden memperuntukkan masa sekurang-kurangnya 3 kali hingga 4 kali dalam seminggu untuk turun beraktiviti sukan, dan tidak kepada responden perempuan.





ABSTRACT

This research is being carried out with the aim to identify the relationship between the pattern of Goal orientation to the involvement of 15 and 18 years old students, male and female in sport activities within the Keningau District, Sabah. There are 300 respondents in this research (male students age 18=75, male students age 15=75, female students age 18=75, female students age 15=75). Instrument used in this research is "Task and Ego Orientations in Sports Questionnaire" (TEOSQ: Duda & Nicholls, 1989). With the use of mean, standard Deviation and Oneway Anova Test and also correlation, result had shown that the pattern for students' goal orientation for each examined categories are kin more on task orientation rather than ego orientation (Task $m = 4.40$, $SD = .18$, Ego $m = 2.32$, $SD = .28$). From four age categories, 15 years old male respondents shows a high achievement in every examined aspect such as the amount of involvement and the allocated time for sport activities within a week. It is also found out that, under 15 and 18 years old will spend at least 3 to 4 times a week to indulge in sport activities, unlike the female respondents.





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Keningau merupakan sebuah daerah pedalaman di negeri Sabah yang boleh dikatakan mempunyai ramai atlit yang berbakat dalam pelbagai acara sukan.

Walaupun begitu, didapati kecemerlangan mereka tidaklah pergi jauh atau dengan kata yang lain tidak membantu dalam mencapai hidup masa depan yang lebih baik. Kesan daripada itu, di sini timbullah persoalan tentang apakah tujuan sebenarnya penglibatan mereka dalam aktiviti sukan yang diceburi? Adakah semata-mata untuk memenuhi keperluan formaliti masa persekolahan atau atas dasar minat yang mendalam mahupun hobi di masa lapang? Untuk itu, perlu diselidik dengan lebih mendalam tentang apakah sebenarnya tujuan penglibatan mereka dalam aktiviti sukan ini.





Penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan untuk lelaki dan perempuan sudah lama terbentuk dan berkembang. Jika dilihat perkembangan sukan sebelum era 80-an, mendapati bilangan acara yang dipelopori oleh golongan lelaki adalah lebih banyak berbanding acara yang disertai oleh golongan perempuan (wanita) sendiri. Namun, kini senario sedemikian tidak lagi jelas kelihatan akan tetapi telah menampakkan persaingan untuk memonopoli sebarang jenis acara ataupun permainan. Penglibatan golongan perempuan semakin hebat dan cuba menandingi golongan lelaki, akan tetapi golongan lelaki pula cuba untuk menjarakkan lagi jurang perbezaan ini dengan menghasilkan pelbagai jenis acara dan permainan yang mungkin sukar untuk golongan wanita sertai. Walau apapun keadaan yang terjadi, kita bukan hendak mengetahui siapa yang kuat, siapa yang memonopoli acara siapa. Tujuan sebenar ialah untuk mengetahui apakah tujuan sebenar atau motif dan dengan erti kata lain corak orientasi matlamat setiap individu pelajar itu melibatkan diri dalam sebarang aktiviti sukan. Sebelum masuk lebih lanjut tentang tujuan penglibatan sebenar pelajar dalam aktiviti sukan, adalah baik jika diimbaz sepintas lalu faktor-faktor yang mungkin mendorong para pelajar melibatkan diri dalam sukan.

Menurut Eccles dan Harold (1991) dalam Shahrudin (2001), terdapat tiga cara individu dipengaruhi untuk menyerai sukan dan aktiviti fizikal iaitu faktor sosialisasi, situasi dan persekitaran dan faktor peribadi. Faktor sosialisasi merujuk kepada proses interaksi antara individu. Dalam konteks sukan, pengaruh sosialisasi individu yang signifikan dalam kehidupan seseorang kanak-kanak lelaki atau perempuan mempengaruhi penglibatan mereka dalam sukan (Greendorfer, 1992). Antara dorongan kuat kedua ibu





bapa serta pengaruh saudara tua (abang atau kakak) turut mempengaruhi penglibatan dalam sukan (Eccles dan Harold, 1991; greendorfer, 1992).

Faktor kedua yang mempengaruhi penglibatan dalam sukan adalah faktor situasi dan persekitaran. Motivasi individu merupakan elemen terpenting yang menjelaskan tentang faktor situasi dan persekitaran (Shaharudin, 2001). Antara perkara yang membentuk motivasi adalah penetapan matlamat. Atlet lelaki dan perempuan akan meneruskan penglibatan dalam sesuatu aktiviti jika mereka mengetahui matlamat yang ingin dicapai terlebih dahulu serta matlamat tersebut boleh dicapai (bukan sesuatu yang sukar dan mustahil untuk dicapai). Untuk faktor ini, bagi daerah Keningau sendiri, seperti yang telah dimaklumkan awal-awal tadi menyatakan bahawa ia merupakan sebuah daerah pedalaman yang sekian lamanya keaktifan pelajar-pelajarnya melibatkan diri dalam aktiviti sukan. Sukan yang diceburi itu sememangnya pelbagai dan tidak tertumpu hanya acara olahraga iaitu padang dan balapan sahaja.

Selain itu, tanggapan tentang kebolehan diri untuk mencapai matlamat menjadi pendorong untuk mereka terus melibatkan diri dengan aktiviti tersebut. Sekiranya atlet itu beranggapan bahawa mereka tidak mampu mencapai matlamat yang telah ditetapkan, maka mereka akan menarik diri dari meneruskan aktiviti tersebut. Sebagai tambahan, atribusi yang diberikan apabila berjaya mencapai matlamat menjadi penjana penglibatan berterusan dalam sukan. Atribusi yang bersifat “dalaman” seperti “kejayaan tersebut





tercapai kerana hasil usaha serta kemampuan diri saya.” akan membantu mengekalkan penglibatan dalam aktiviti sukan.

Faktor yang terakhir yang mempengaruhi penglibatan dalam sukan adalah faktor personal. Menurut Singer (1984), setiap individu mempunyai kemampuan serta tahap kemahiran tersendiri dalam sesuatu jenis sukan. Antara elemen personal yang membantu mempengaruhi penglibatan dalam sukan, khususnya bagi atlit perempuan adalah lokus kawalan. Lokus kawalan merupakan persepsi individu (secara psikologi) yang merujuk kepada sesuatu yang berlaku di dalam kawalan ataupun di luar kawalan mereka. Ia boleh jadi perkara yang boleh memotivasikan diri individu itu ataupun perkara sebaliknya yang mungkin mengancam dan melemahkan diri mereka. Dalam konteks ini, sekiranya atlit tersebut merasakan bahawa mereka bebas memilih serta menentukan aktiviti yang ingin disertai serta wujudnya bentuk galakan atau ganjaran pilihan untuk mereka menonjolkan kemampuan mereka dalam sesuatu aktiviti, maka mereka akan terus melibatkan diri dalam sesuatu aktiviti sukan tersebut.

Penglibatan individu pelajar itu dalam aktiviti sukan adalah bergantung kepada tingginya pengaruh setiap faktor yang wujud. Walaupun begitu, sudah pasti ada sebab-sebab lain wujudnya penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan ini. Antaranya ialah untuk mencari keseronokan, untuk meningkatkan kemahiran secara individu, untuk menjalinkan hubungan yang lebih erat sesama rakan lama mahupun rakan baru, untuk mencapai kegembiraan, kejayaan atau pun bersenam untuk meningkatkan dan mengekalkan kecergasan





fizikal secara total. Bagi saya, sudah tiba saatnya untuk mengetahui pula apakah corak orientasi matlamat dan kaitannya dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan. Dengan mengetahui corak orientasi matlamat pelajar yang menyertai sukan sudah pasti akan memberi banyak manfaat kepada pihak pentadbir sekolah, guru sukan, jurulatih dan sesiapa sahaja pemaju sukan untuk menggunakannya untuk merancang dan memantapkan lagi perancangan masa hadapan.

1.2 Pernyataan Masalah

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti orientasi matlamat serta kaitannya dengan penglibatan pelajar 15 dan 18 tahun lelaki dan perempuan dalam aktiviti sukan di daerah Keningau, Sabah.



Penglibatan pelajar sekolah menengah di daerah ini begitu menggalakkan sekali dan ini boleh diperhatikan dengan pencapaian-pencapaian yang ditonjolkan sepanjang tahun persekolahan sama ada dalam acara permainan mahupun acara olahraga. Pun begitu, perlu diketahui apakah sebenarnya tujuan penglibatan setiap pelajar dalam bidang-bidang yang diceburi. Adakah penglibatan itu semata-mata untuk memenuhi keperluan formaliti sistem persekolahan yang menghendaki setiap pelajar mengambil bahagian dalam kegiatan ko-kurikulum atau atas keinginan diri pelajar sendiri untuk maju dalam bidang sukan yang diceburi? Tambahan lagi, pada masa kini pengambilan pelajar sekolah ke institusi pengajian tinggi telah mengambilkira penglibatan pelajar dalam bidang ko-kurikulum. Ini akan menjadi satu kriteria



yang akan dinilai untuk melayakkan diri setiap individu pelajar itu untuk memasuki universiti yang dipilih.

Oleh itu, perkara ini telah menjadi persoalan yang mengundang persepsi pelbagai pihak mengenai matlamat sebenar penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan. Tambahan pula, ramai berpendapat bahawa aktiviti sukan di sekolah telah menyebabkan pelajar-pelajar tidak mempunyai masa yang cukup untuk mengulangkaji pelajaran dan lebih dashyat lagi aktiviti sukan ini telah menyebabkan pelajar gagal mencapai pencapaian yang cemerlang dalam bidang akademik. Sehubungan dengan itu, maka kajian ini bertujuan untuk mengkaji apakah matlamat sebenar pelajar serta kaitannya dalam penglibatan aktiviti sukan di sekolah.

1.3 Kepentingan Kajian

Orientasi matlamat merupakan satu panduan mahupun petunjuk arah untuk mencapai sesuatu yang diinginkan. Penglibatan seseorang itu boleh dibahagikan kepada dua kategori orientasi matlamat iaitu orientasi matlamat berlandaskan tugas dan orientasi matlamat berlandaskan ego. Berdasarkan orientasi matlamat yang dimiliki oleh seseorang individu maka kita dapat mengetahui tujuan sebenar penglibatannya dalam apa juga aspek ataupun aktiviti yang disertai.

Berdasarkan itu, maka orientasi matlamat serta kaitannya dengan penglibatan pelajar 15 dan 18 tahun lelaki dan perempuan dalam aktiviti sukan



telah menarik perhatian pengkaji untuk mengkaji lebih mendalam tentang perkara ini. Secara keseluruhannya, kepentingan kajian ini dapat dilihat dari beberapa aspek, antaranya:

Dapatan atau hasil kajian ini akan menjelaskan matlamat sebenar penglibatan pelajar sekolah menengah di daerah terpilih dalam aktiviti sukan.

Dijadikan panduan kepada sesiapa yang berkenaan bagi merangka program dan langkah-langkah perlu bagi pelaksanaan aktiviti fizikal di sekolah yang lebih mantap ke arah penghidupan yang lebih cemerlang.

Menyokong dasar kerajaan yang mahukan rakyat Malaysia menjalani gaya hidup sihat bermula dari usia muda lagi.



1.4 Objektif Kajian

1. Mengenalpasti corak orientasi matlamat pelajar lelaki dan perempuan bawah umur 15 dan 18 tahun sekolah menengah di daerah Keningau yang melibatkan diri dalam aktiviti sukan.
2. Melihat perkaitan di antara orientasi matlamat dengan penglibatan pelajar terhadap aktiviti sukan di sekolah.
3. Membuat profil pelajar yang melibatkan diri dalam aktiviti sukan berdasarkan tahap penglibatan.





1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian untuk penyelidikan ini ialah:

1. Apakah corak orientasi maltamat pelajar lelaki bawah umur 15 dan 18 tahun dalam aktiviti sukan?
2. Apakah corak orientasi matlamat pelajar perempuan bawah umur 15 dan 18 tahun dalam aktiviti sukan?
3. Apakah tahap penglibatan pelajar lelaki bawah 15 dan 18 tahun dalam aktiviti sukan?
4. Apakah tahap penglibatan pelajar perempuan bawah 15 dan 18 tahun dalam aktiviti sukan?
5. Apakah wujud perkaitan di antara orientasi matlamat dengan tahap penglibatan dalam aktiviti sukan untuk pelajar lelaki bawah 15 tahun dan 18 tahun?
6. Apakah wujud perkaitan di antara orientasi matlamat dengan tahap penglibatan dalam aktiviti sukan untuk pelajar perempuan bawah 15 tahun dan 18 tahun?

1.6 Batasan Kajian

1.6.1 Limitasi

Kajian ini terbatas kepada sekolah-sekolah sekitar Daerah keningau, sabah sahaja. Responden mungkin kesuntukan masa untuk menjawab borang soal selidik yang diberikan. Responden juga terpaksa memilih jawapan yang telah disediakan tanpa dapat menyatakan jawapan mereka sendiri.





Sikap responden ketika menjawab soal selidik di luar kawalan penyelidik. Selain itu, kejujuran dan keikhlasan responden menjawab borang soal selidik juga adalah di luar kawalan.

1.6.2 Delimitasi

Kejujuran responden semasa menjawab borang soal selidik mungkin mempengaruhi ketepatan data yang dikumpul. Kejujuran dan keikhlasan responden adalah diluar kawalan pengkaji. Kejujuran yang bakal diperolehi dalam kajian ini mungkin dipengaruhi oleh faktor umur, bangsa ataupun pengalaman dalam sukan. Hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada keseluruhan populasi lain kerana ia tidak menggambarkan penglibatan keseluruhan pelajar di Malaysia. Oleh itu, dapatan kajian ini terbatas kepada kajian ini sahaja.



1.7 Definisi Operasional

Dalam konteks kajian ini terdapat istilah yang digunakan oleh penyelidik yang memberi maksud seperti berikut:

Orientasi Matlamat serta kaitannya dengan penglibatan pelajar 15 dan 18 tahun lelaki dan perempuan dalam aktiviti sukan.

Orientasi Matlamat

Keinginan individu untuk mencapai matlamat sendiri (Cox, 1994; Duda, 1992).





Penglibatan

Penyertaan diri individu dalam sesuatu aktiviti, program dan gerak kerja.

Penglibatan pelajar dipengaruhi oleh faktor sosialisasi, situasi dan persekitaran dan faktor peribadi (Eccles dan Harold,1990).

Aktiviti sukan

Semua jenis pergerakan fizikal yang disebabkan oleh penguncupan otot-otot utama umpamanya bermain dan berekreasi termasuk sukan olahraga dan permainan di sekolah mahupun di luar waktu belajar.

Murid / pelajar

Murid lelaki dan perempuan berumur 15 tahun dan 18 tahun di daerah Keningau, Sabah, iaitu:

- i) SMK Gunsanad, Keningau.
- ii) SMK Gunsanad II, Keningau.
- iii) SMK Keningau, Keningau.
- iv) SMK Sook, Keningau.
- v) SM St.Francis Xavier, Keningau.

